

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO'SRI DR. HAJI IRMOHIZAM  
[KUALA SELANGOR]

TARIKH : 31.10.2017 [SELASA]

SOALAN :

**YB Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim (Kuala Selangor)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah maklum balas Kerajaan terhadap laporan khas oleh Pelapor Khas Hak Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang hak asasi manusia menerusi Artikel 27 Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR) yang dilihat bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Pelapor Khas Hak Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Cik Karima Bannoune telah mengadakan lawatan ke Malaysia pada 11 hingga 21

September 2017. Lawatan selama 11 hari tersebut adalah bertujuan bagi penyediaan laporan tentang tahap pemakaian hak asasi rakyat Malaysia dalam hal berkaitan kebudayaan, kesenian dan pembangunan sains seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 27 Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR). Di bawah Artikel UDHR tersebut ada menyatakan bahawa:

- a) Setiap orang berhak secara bebas mengambil bahagian dalam kegiatan kebudayaan masyarakatnya, menikmati kesenian dan sama-sama merasai kemajuan sains dan faedah-faedahnya; serta
- b) Setiap orang adalah berhak kepada perlindungan kepentingan-kepentingan moral dan kebendaan hasil dari sebarang penghasilan sains, kesusasteraan atau kesenian yang mana ianya adalah penciptanya.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu laporan pemerhatian awal (*preliminary observation*) telah disediakan oleh pelapor khas berdasarkan lawatan tersebut. Secara amnya, pemerhatian awal tersebut telah menyentuh mengenai keadaan semasa di Malaysia berkaitan hak kebudayaan, komitmen Malaysia kepada triti antarabangsa, dan usaha Malaysia mengadakan Kajian Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP).

Selain itu, beliau turut memuji usaha kerajaan Malaysia dalam memartabatkan pemeliharaan hak asasi manusia di negara ini. Ini termasuklah usaha yang giat dijalankan di bawah Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) (dahulunya dikenali sebagai Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU), Jabatan Perdana Menteri) yang

ditubuhkan bagi membenarkan kerja-kerja pemantauan hak asasi, penyediaan dan pemakaian NHRAP serta penambahbaikan perkhidmatan awam dalam isu yang berkaitan hak asasi manusia.

Namun, terdapat beberapa ulasan daripada Pelapor Khas tersebut yang mengkritik tahap hak asasi semasa. Antara ulasan dan teguran tersebut adalah berkaitan jurang kebudayaan di antara etnik yang ada di Malaysia, sikap tidak terbuka negara dalam membincangkan isu-isu sensitif, kongkongan yang dikenakan dalam pengamalan agama dan sekatan terhadap golongan yang menyokong Lesbian, Biseksual, Gay dan Transgender (LBGT).

Beliau dalam masa yang sama turut mencadangkan agar Malaysia menerima lebih banyak lagi amalan hak asasi manusia berdasarkan piawaian antarabangsa. Malangnya, cadangan yang dikemukakan di dalam laporan tersebut dilihat mampu menghakis keunikan sejarah dan kebudayaan Malaysia dan terdapat beberapa percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebagai contoh, Pelapor Khas mengusulkan agar kebudayaan, agama dan tradisi semua rakyat pelbagai bangsa di Malaysia diletakkan di atas platform yang sama rata tanpa memberikan kelebihan kepada mana-mana kumpulan bangsa melebihi yang lain. Usul ini mampu menghakis hak keistimewaan orang Melayu dan anak negeri seperti yang diperuntukkan jelas dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam pemerhatian awal tersebut juga, beliau turut menekankan kepentingan hak semua orang untuk mengambil bahagian dalam kegiatan kebudayaan tanpa apa-apa diskriminasi seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 27 UDHR.

Untuk makluman Yang Berhormat, Di Malaysia, UDHR diiktiraf sebagai suatu instrumen antarabangsa yang tidak mengikat (*non-legally binding*) sebagaimana yang diputuskan oleh mahkamah Malaysia. Dalam kes *Merdeka University Bhd v. Kerajaan Malaysia* [1981] CLJ 175; [1981] CLJ (Rep) 191, mahkamah memutuskan:

*“The Universal Declaration of Human Rights was proclaimed and adopted on 10 December 1948, by the General Assembly of the United Nations. It is not a legally binding instrument as such and some of its provisions depart from existing and generally accepted rules. It is merely a statement of principles devoid of any obligatory character and is not part of our municipal law.”*

Selanjutnya, dalam kes *Suzana Md. Aris v. DSP Ishak Hussain & Ors* [2011] 1 CLJ 226, mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

*“The Universal Declaration of Human Rights 1948 (‘UDHR’) is part of Malaysian jurisprudence to the extent it is not inconsistent with the Federal Constitution...”*

Sehubungan itu, adalah ditekankan bahawa Malaysia sentiasa mematuhi falsafah dan norma asas seperti yang dinyatakan dalam UDHR selagi ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia.

Secara umumnya, prinsip hak kebudayaan di bawah Artikel 27 UDHR adalah selaras dengan Artikel 15 *International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* (ICESCR) yang memberikan hak dan kebebasan kepada semua orang untuk mengambil bahagian

dalam kegiatan kebudayaan serta menikmati kesenian dan kemajuan sains.

Walaupun bagaimanapun sehingga kini, Malaysia masih belum menjadi negara pihak kepada ICESCR kerana terdapat beberapa peruntukan di dalamnya yang didapati tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia. Namun, sebagai sebuah negara yang pesat membangun, Malaysia adalah komited dan akan terus berusaha untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di peringkat domestik dan antarabangsa. Pemerhatian awal tersebut sedang dikaji oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Kementerian serta agensi-agensi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.